

IPIM
Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium

INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA


explore
sejarah
penerbitan
penyelidikan
experience
archaelogy
pengalaman
art
jangkau luar
objects
fun
Muzium
&
teroka
pemuliharaan
Pendidikan
culture
learning
seni
koleksi
interesting
percaya
interpretation
khazanah
tourism
communication
artifak
budaya
konservasi
tradisi
institusi
sejarah
research

01 KONSEP IPIM

IPIM CONCEPT

Bilik Darjah / Classroom



Muzium / Museum



IPIM = PENDIDIKAN FORMAL (SEKOLAH/IPG) + PENDIDIKAN TIDAK FORMAL (MUZIUM)

IPIM = FORMAL EDUCATION (SCHOOL/IPG) + INFORMAL EDUCATION (MUSEUM)

02 APA ITU **IPIM?**

WHAT IS IPIM?

- **Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) merupakan satu program pendidikan muzium berstruktur yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).**

  Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) is a structured museum education program implemented by the Department of Museums Malaysia (DMM) an agency under the Ministry of National Unity in collaboration with the Ministry of Education Malaysia (MOE).

Apa Kelebihan IPIM?
What is the advantage of IPIM?

- **IPIM memperkasakan peranan institusi muzium sebagai sistem sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.**

  IPIM is a program that empowering museum institutions as a support system in teaching and learning process (TnL).

Implikasi?
Implication?

- **Aktiviti pembelajaran dapat ditambah baik sekaligus memudahkan guru mengetengahkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dan aspek silang budaya dalam pendidikan di sekolah.**

  Learning activities can be improved, while at the same time making it easier for teachers to highlight Cross-Curricular Elements and cross-cultural aspects in school education.

Bagaimana?
How?

- **Menggunakan Rancangan Pendidikan Muzium berdasarkan koleksi (artifak) yang dirangka khusus mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mata pelajaran Sejarah.**


  Using the Museum Education Plan based on the collection (artifacts) that specially designed according to the History Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP) as well as the Daily Lesson Plan (DLP) of History subjects.

03 LIHAT PASTI PERCAYA!

SEEING IS BELIEVING

Koleksi berperanan sebagai bahan maujud yang digunakan untuk mengukuhkan kefahaman dalam pembelajaran. Program pembelajaran menerusi koleksi ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menggunakan organ deria bagi merangsang dan memaksimumkan tumpuan mereka sekaligus melatih pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sepertimana yang digariskan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

The collection serves as an existing material use to improve student's comprehension in learning. The learning program through this collection provide students with opportunity to use their sensories to stimulate and maximize their focus while training students to apply high-level thinking skills (HLTS) as an outlined under the Malaysian Education Development Plan.



04 IPIM DAN MUZIUM?

IPIM AND MUSEUM

IPIM merupakan salah satu program yang memperkasakan pendidikan menerusi PdP yang dilaksanakan oleh guru dan pegawai muzium secara berstruktur.

IPIM is one of the programs that strengthen the education through TnL implemented by teachers and museum officers in a structured manner.



RUANG SESI PdP/*TnL SESSIONS SPACE*

Guru berpeluang untuk melaksanakan PdP di muzium secara teori seperti mana dalam bilik darjah. Para pelajar kemudiannya akan diberi pendedahan dan kemudahan untuk akses kepada bahan primer/artifak secara langsung bagi membantu mereka membina kefahaman yang lebih komprehensif terhadap mata pelajaran yang diajar oleh guru.

Teachers will have the opportunity to implement TnL in the museum theoretically as well as in the classroom. Students will be given an exposure and facilities for direct access to primary materials / artifacts to help them build more comprehensive understanding for the subjects taught by the teacher.

05 PELAKSANAAN PROGRAM IPIM

IPIM PROGRAM IMPLEMENTATION

LANGKAH 1 / *STEP 1*

- **Guru/pihak sekolah akan memilih muzium yang mempunyai koleksi yang bersesuaian dengan tajuk kurikulum.**
  The teacher/school will choose a museum that has a collection of artefact that is suitable to the syllabus.

- **Guru/pihak sekolah memohon di portal rasmi**
  The teacher/school apply on the official portal.



LANGKAH 2 / *STEP 2*

- **Perbincangan awal muzium dengan guru/pihak sekolah & meneliti Rancangan Pengajian Harian (RPH) bagi mengenal pasti modul pendidikan muzium yang bersesuaian untuk dilaksanakan.**
  Early discussion with the teacher/school and to look into the Daily Lesson Plan for identifying an appropriate museum education module to be implement.



LANGKAH 3 / *STEP 3*

- **Pelaksanaan program IPIM di muzium.**
  Implementation of IPIM at the museum.





06 SIAPA YANG BOLEH SERTAI

WHO CAN PARTICIPATE?

Program IPIM boleh disertai semua murid Tahun 4, 5 dan 6 serta Tingkatan 1 hingga 6

IPIM program can be participated by all Year 4, 5 and 6 students and Form 1 to Form 6



07 PENGISIAN PROGRAM IPIM

CONTENT OF IPIM



1 SESI TAKLIMAT / *BRIEFING SESSION*
(15 minit/*minutes*)

Pegawai muzium memberi taklimat berkenaan program IPIM kepada pelajar.

Museum officer will brief the students about the IPIM program.





2 SESI PdP / *TnL SESSION* (40 minit/*minutes*)

Guru mengendalikan sesi pembelajaran seperti mana dalam bilik darjah.

The teacher will conduct the learning session as in the classroom.





3 SESI LAWATAN BERPANDU (30 minit/*minutes*)

GUIDED TOUR SESSION

Pegawai muzium melaksanakan lawatan berpandu ke galeri khusus berkaitan dengan tajuk PdP.

Museum officers will be conducting guided tours to specialized galleries that related to TnL titles.





4 SESI PENGUKUHAN (120 minit/*minutes*)
STRENGTHENING SESSION

Pegawai muzium melaksanakan aktiviti amali bagi merangsang minat dan menambah kefahaman yang lebih mendalam terhadap topik yang dibincangkan.

Museum officer will carry out hands-on activities to stimulate interest and add on a deeper understanding of the topics discussed.





5 SESI REFLEKSI (30 minit/*minutes*)
REFLECTION SESSION

Pegawai muzium menguji tahap kefahaman pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan.

Museum officer will be testing students' level of understanding of the activities carried out.





08 TATACARA PERMOHONAN
APPLICATION PROCEDURE(S)

LANGKAH 1
STEP 1



Layari/*Visit*
ipim.jmm.gov.my

LANGKAH 2
STEP 2

klik pada menu MUZIUM.
click on the menu "MUSEUM"



Seterusnya
klik "permohonan aktiviti IPIM"
Next click on "Activity Application IPIM"


LANGKAH 3
STEP 3

Pilih muzium dan tarikh bagi pelaksanaan aktiviti.

Select the museum of choice and the date for the implementation of a activity.



LANGKAH 4
STEP 4



NAMA SEKOLAH

ALAMAT

NAMA PEMOHONAN

Lengkapkan borang permohonan berdasarkan maklumat yang diperlukan dan muatnaik 'rancangan pengajian harian'(RPH) mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran.
Contoh RPH boleh dilihat pada menu IPIM – contoh RPH dan PPM.

Complete the application form based on the required informations and upload "Daily Lesson Plan" (DLP) according to the need for lessons and learning. Examples of RPH can be seen on the IPIM menu - PPM and RPH examples.

LANGKAH 5
STEP 5

Klik pada menu "HANTAR"
Click on the menu "SEND"



09 TERMA DAN SYARAT

TERMS AND CONDITIONS

1 Pelaksanaan IPIM adalah pada bulan Mac hingga Ogos setiap tahun.
IPIM program runs in March until August in a year.

2 Setiap permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) bulan daripada tarikh sesi pelaksanaan;
Each application must be made at least two (2) months from the date of implementation sessions;

3 Program IPIM hanya akan dilaksanakan pada hari persekolahan mengikut kalendar akademik Kementerian Pendidikan Malaysia;
IPIM Program is implemented only on school days, according to the academic calendar of Ministry of Education Malaysia;

4 Program IPIM pada peringkat awal ditawarkan untuk mata pelajaran Sejarah. Program ini terbuka kepada pelajar tahun 4-6 dan tingkatan 1-6.
IPIM program at the early stage is being offered for History Subject. This program is open to students from Standard 4-6 and Form 1-6.

5 Pihak sekolah hendaklah memaklumkan pembatalan sesi kepada pihak muzium sekurang-kurangnya 14 hari tempoh bekerja. Kelewatan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan pihak sekolah tuan/puan tidak dapat dilaksanakan dan memerlukan penjadualan semula.
The school must inform any session cancellation to the museum at least within the next 14 of business days. Delays in doing so will resulting in non-execution of applications and requires rescheduling.

6 Sekiranya sesi terpaksa dibatalkan, pihak muzium akan memaklumkan kepada pihak sekolah dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum tarikh sesi; dan
If a session has to be cancelled, the museum will be informing the school within the next 14 business days before the date of the sessions; and

7 Pihak muzium tidak akan menanggung sebarang kerugian kos perjalanan yang ditanggung oleh pihak IPG/Sekolah.
The museum is not responsible for any travel expenses incurred by the IPG / School.

SENARAI MUZIUM



KEDAH
- Galeria Perdana
- Muzium Arkeologi Lembah Bujang
- Muzium Kota Kuala Kedah
- Muzium Negeri Kedah

PERLIS
- Muzium Kota Kayang

PULAU PINANG
- Muzium Pulau Pinang

PERAK
- Muzium Perak
- Muzium Matang
- Galeri Sultan Azlan Shah
- Muzium Beruas
- Kompleks Sejarah Pasir Salak
- Muzium Darul Ridzuan

KELANTAN
- Muzium Negeri Kelantan

SELANGOR
- Muzium Sultan Alam Shah
- Muzium Automobil Nasional

TERENGGANU
- Muzium Negeri Terengganu

KUALA LUMPUR
- Muzium Negara
- Muzium Tekstil Negara
- Muzium Diraja
- Muzium Etnologi Dunia Melayu
- Muzium Seni Kraf Orang Asli
- Muzium & Galeri Bank Negara Malaysia
- Muzium Polis Diraja Malaysia

PAHANG
- Muzium Sungai Lembing
- Muzium Negeri Pahang


NEGERI SEMBILAN
- Muzium Adat
- Muzium Lukut
- Teratak Zaaba
- Muzium Negeri
- Muzium Tentera Darat Malaysia

MELAKA
- Muzium Seni Bina Malaysia
- Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka
- Muzium Sejarah & Etnografi
- Muzium Rakyat
- Muzium Samudera

JOHOR
- Muzium Kota Johor Lama
- Galeri Dato' Onn
- Muzium Kota Tinggi

YANG TERLIBAT DENGAN PROGRAM IPIM

List of Museums involved with IPIM program



Dengan kerjasama :

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

For more information please contact:

UNIT PENDIDIKAN MUZIUM
Bahagian Pameran dan Pengembangan

Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2267 1000

Portal rasmi / *Official portal:*

ipim.jmm.gov.my

Sila imbas untuk lagu Muzium Kita Tamadun Kita
Please scan for the song: Muzium Kita Tamadun Kita